



MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5

1103/3

BAHASA MELAYU
UJIAN BERTUTUR (INDIVIDU)
Kertas 3

NASKHAH
PENTAKSIR

Isi Kandungan Taksiran Individu

- Taksiran Individu 1:** Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan – Pelaburan Emas
- Taksiran Individu 2:** Bahasa dan Kesusasteraan – Memartabatkan Bahasa Melayu
- Taksiran Individu 3:** Sukan dan Rekreasi – Terbang di Udara
- Taksiran Individu 4:** Sejarah dan Warisan – Dari Tanah Liat ke Labu Sayong
- Taksiran Individu 5:** Pertanian, Penternakan dan Perikanan – Pertanian Tepat
- Taksiran Individu 6:** Pelancongan – Kampung Lonek
- Taksiran Individu 7:** Perpaduan – Pembentukan Negara Bangsa
- Taksiran Individu 8:** Sains, Teknologi dan Inovasi – Teknologi Kecerdasan Buatan

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PELABURAN EMAS

Simpanan emas dilihat sebagai salah satu bentuk pelaburan yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Terdapat dua jenis pelaburan emas iaitu emas fizikal dan membuka akaun simpanan emas di institusi kewangan. Pelaburan emas secara fizikal dibahagikan kepada tiga kategori iaitu syiling emas, jongkong emas dan barang kemas. Pakar pelaburan menasihati pelabur agar membeli emas fizikal dalam bentuk syiling dan jongkong emas kerana mudah dibawa, senang ditunaikan dan mempunyai perbezaan harga belian dan jualan yang rendah berbanding barang kemas. Barang kemas bukanlah pelaburan yang baik kerana harganya lebih mahal dan susut nilai yang agak tinggi iaitu sekitar 25 hingga 40 peratus.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Simpanan Emas Sebagai Strategi Pelaburan'
oleh Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri
eco1.upm.edu.my

SOALAN

- 1 Nyatakan jenis-jenis pelaburan emas.
- 2 Mengapakah pakar pelaburan menasihati pelabur agar membeli emas fizikal?
- 3 Pada pendapat anda, apakah kepentingan menabung dalam kalangan masyarakat?
- 4 Huraikan usaha-usaha untuk menggalakkan golongan muda menabung.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU

Peranan bahasa Melayu kini dilihat semakin kurang fungsinya. Penggunaannya dalam kehidupan seharian semakin dipandang enteng tanpa kita sedari. Ada sesetengah individu yang beranggapan bahawa orang yang bertutur menggunakan bahasa Melayu lebih rendah tarafnya berbanding dengan orang yang bertutur dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, golongan cendekiawan di Malaysia perlu berkongsi ilmu sama ada secara lisan atau menerbitkan bahan-bahan ilmiah berbahasa Melayu. Selain itu, golongan ini boleh bekerjasama dengan pakar-pakar bahasa untuk menjalankan aktiviti penterjemahan pada bahan-bahan ilmiah yang sering menjadi rujukan. Usaha seperti ini pastinya akan dapat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam pelbagai bidang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Martabatkan Bahasa Melayu demi Nilai dan Identiti Bangsa Malaysia'
oleh Nurulisyazila Othaman dan Siti Hajar Bidin
news.uthm.edu.my

SOALAN

- 1 Apakah anggapan sesetengah individu terhadap orang yang bertutur dalam bahasa Melayu?
- 2 Nyatakan usaha-usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam pelbagai bidang.
- 3 Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk menggalakkan murid-murid bertutur dalam bahasa Melayu?
- 4 Huraikan kesan-kesan sekiranya bahasa Melayu dipinggirkan oleh masyarakat.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

TEMA: SUKAN DAN REKREASI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TERBANG DI UDARA

Sukan luncur udara semakin popular dan digemari oleh pelbagai lapisan masyarakat. Walaupun dikategorikan sebagai sukan ekstrem, sukan ini tetap menjadi pilihan kerana memberikan peluang terbaik untuk seseorang itu menikmati pemandangan indah alam semula jadi dari udara. Antara elemen utama yang perlu diambil kira ialah cuaca dan peralatan dalam keadaan terbaik ketika terbang. Di Malaysia, terdapat beberapa lokasi popular yang menjadi tumpuan peminat sukan luncur udara seperti di Bukit Jugra, Selangor. Peluncur boleh menyaksikan keindahan pekan Jugra, Pulau Carey dan juga Sungai Langat. Jika cuaca mengizinkan dan angin kuat, peluncur juga boleh meluncur sehingga 600 kaki dari aras laut serta melayang-layang di udara bak burung yang bebas hampir 30 minit.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Mercury Terbaik Luncur Udara'
oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
www.hmetro.com.my

SOALAN

- 1 Mengapakah sukan luncur udara semakin popular?
- 2 Nyatakan keistimewaan lokasi sukan luncur udara di Bukit Jugra.
- 3 Pada pendapat anda, bagaimanakah aktiviti sukan luncur udara dapat dipromosikan kepada masyarakat?
- 4 Huraikan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh seseorang itu apabila menyertai sukan ekstrem.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

DARI TANAH LIAT KE LABU SAYONG

Sejak ribuan tahun lalu, tanah liat mewarnai kehidupan manusia sebagai barang keperluan asas dan dijadikan bekas penyimpanan, memasak dan meletakkan makanan atau minuman. Kreativiti dan idea dekoratif yang makin berkembang menyebabkan wujudnya perusahaan seramik secara komersial di Lembah Sayong. Kebanyakan bentuk labu sayong dihasilkan dengan menerapkan motif alam sekitar seperti bunga padi, bunga cengkih, pucuk rebung dan geometri. Labu sayong yang dihasilkan asalnya hitam dan berfungsi untuk mengisi air kini berubah wajah kepada pelbagai bentuk. Kini, fungsi utama labu sayong bukan sekadar hiasan di dapur, malah menghiasi taman atau laman. Labu sayong turut mendapat permintaan tinggi untuk dijadikan bekas telur sebagai cenderamata pada majlis perkahwinan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Labu Sayong Terus Bertahan'
oleh Hartini Mohd Nawi
www.hmetro.com.my

SOALAN

- 1 Nyatakan motif bentuk labu sayong.
- 2 Apakah fungsi labu sayong pada masa ini?
- 3 Bagaimanakah cara-cara untuk mempopularkan labu sayong?
- 4 Pada pendapat anda, apakah kebaikan-kebaikan memajukan seni kraf tangan?

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERTANIAN TEPAT

Di Malaysia, pertanian tepat masih belum diterokai sepenuhnya. Pertanian tepat ialah kaedah pengurusan pertanian baharu yang disepadukan dengan teknologi maklumat. Usaha menggalakkan pertanian tepat masih pada peringkat penyelidikan atau projek rintis yang dijalankan oleh agensi kerajaan seperti MARDI, MIMOS Berhad dan universiti tempatan. Sebagai contohnya, penggunaan dron untuk memantau tanaman atau menabur baja di ladang-ladang di negara ini belum lagi menjadi norma yang biasa. Antara faktor penghalang ialah kos permulaan yang besar dan kekurangan pakar dalam bidang ini. Teknologi yang ada di luar negara pula mahal dan perlu disesuaikan terlebih dahulu dengan tanaman di Malaysia seperti kelapa sawit, getah, padi dan nanas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tingkatkan Hasil Pertanian melalui Teknologi Pertanian Tepat'
oleh Prof. Madya Ts. Dr. Hairulnizam Mahdin
www.bernama.com

SOALAN

- 1 Apakah agensi yang menjalankan penyelidikan untuk menggalakkan pertanian tepat?
- 2 Nyatakan faktor-faktor yang menghalang penggunaan dron dalam bidang pertanian di negara ini.
- 3 Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian?
- 4 Huraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan golongan muda menceburi bidang pertanian.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 6

[40 markah]

TEMA: PELANCONGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KAMPUNG LONEK

Inap Desa Kampung Lonek yang terletak di Daerah Jempol mula diperkenalkan pada bulan Disember 2004 dan beroperasi sepenuhnya pada bulan Januari 2005. Inap desa ini berkonsepkan kehidupan kampung yang mempunyai tarikan keindahan alam semula jadi, tradisi warisan kebudayaan masyarakat Minang dan sistem kehidupan yang berdasarkan adat Perpatih. Keunikan adat Perpatih ini masih dapat dilihat melalui seni reka bentuk rumah, amalan adat dan budaya seharian, dialek dan loghat percakapan serta masakan cili apinya. Suasana di Inap Desa Kampung Lonek dikelilingi sawah hijau, pokok-pokok palma, buah-buahan dan memiliki tali air yang jernih. Antara aktiviti utama pelancong yang menginap di sini ialah mengoca ikan dan mengemping padi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Inap Desa Kampung Lonek'
jempol.ns.gov.my

SOALAN

- 1 Nyatakan konsep inap desa di Kampung Lonek.
- 2 Bagaimanakah suasana di Inap Desa Kampung Lonek?
- 3 Pada pandangan anda, apakah faedah-faedah kedatangan pelancong kepada negara?
- 4 Jelaskan usaha-usaha untuk memajukan sektor pelancongan negara.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA: PERPADUAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PEMBENTUKAN NEGARA BANGSA

Pembinaan negara bangsa memerlukan kesatuan dan kesepaduan rakyat, apatah lagi dalam konteks keunikan Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya. Sejak negara mencapai kemerdekaan, proses pembinaan negara bangsa berjalan baik. Sebenarnya, Malaysia mempunyai ramuan tersendiri untuk mencorakkan pembinaan citra negara bangsa. Negara kita mempunyai dokumen bertulis tertinggi, iaitu Perlembagaan Persekutuan 1957. Perlembagaan ini terhasil daripada toleransi sangat tinggi antara kaum menerusi penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum pada tahun 1949. Oleh sebab itu, rakyat Malaysia pelbagai kaum perlu diperingatkan tentang terbentuknya sistem dan struktur pemerintahan negara berasaskan sistem Persekutuan, khususnya kesediaan dan pengorbanan Raja-Raja Melayu untuk melepaskan sebahagian besar kuasa yang ada pada baginda mulai 21 Januari 1948.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Perpaduan Rakyat Citra Pembangunan Negara Bangsa'
oleh Dr. Kassim Thukiman
www.bharian.com.my

SOALAN

- 1 Nyatakan dokumen bertulis yang mampu mencorakkan pembinaan citra negara bangsa.
- 2 Apakah perkara yang perlu diperingatkan kepada rakyat Malaysia pelbagai kaum?
- 3 Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan di sekolah untuk memupuk perpaduan?
- 4 Huraikan kepentingan-kepentingan perpaduan kaum kepada masyarakat dan negara.


KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 8

[40 markah]

TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN

Keupayaan teknologi yang ada pada hari ini memungkinan manusia untuk mencapai pelbagai inovasi baharu dan terkini. Begitu juga dengan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang sudah digunakan dalam industri. Biarpun teknologi berkenaan belum benar-benar matang, AI memberikan gambaran masa depan. Teknologi ini mampu menyelesaikan banyak masalah serta proses yang rumit dalam pelbagai industri. Sememangnya, teknologi AI tidak mampu untuk mengambil alih tugas manusia, namun teknologi ini boleh digunakan untuk menjadikan setiap tugas lebih sistematik, tersusun dan memudahkan manusia. Namun begitu, teknologi AI menyebabkan guna tenaga manusia akan dikurangkan kerana hanya digunakan dalam sektor kritikal.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Teknologi AI Masa Depan Industri'
oleh Muhammad Saufi Hassan
www.hmetro.com.my

SOALAN

- 1 Nyatakan kemampuan teknologi AI.
- 2 Apakah kesan penggunaan teknologi AI kepada manusia?
- 3 Bagaimanakah penggunaan teknologi membantu manusia untuk mengurus tugas-tugas seharian?
- 4 Pada pendapat anda, apakah keburukan-keburukan jika teknologi disalahgunakan?

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5

1103/3

BAHASA MELAYU
UJIAN BERTUTUR (KUMPULAN)
Kertas 3

NASKHAH
PENTAKSIR

Isi Kandungan Taksiran Kumpulan

- Taksiran Kumpulan 1:** Sains, Teknologi dan Inovasi
- Taksiran Kumpulan 2:** Pendidikan
- Taksiran Kumpulan 3:** Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
- Taksiran Kumpulan 4:** Sejarah dan Warisan

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 1

[30 *markah*]

TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Penggunaan media sosial memberikan banyak manfaat kepada kehidupan manusia.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 2

[30 *markah*]

TEMA: PENDIDIKAN

Budaya membaca mempunyai banyak kepentingan kepada semua lapisan masyarakat.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 3

[30 *markah*]

TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Peranan pelbagai pihak penting untuk memelihara dan memulihara alam sekitar di negara ini.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 4

[30 *markah*]

TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

Permainan tradisional perlu dipopularkan kembali dalam kalangan generasi muda.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5

1103/3

BAHASA MELAYU
UJIAN BERTUTUR
Kertas 3

PANDUAN PENSKORAN

RUBRIK PENSKORAN UJIAN BERTUTUR INDIVIDU (ANALITIK)

TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	ASPEK YANG DITAKSIR	PENERANGAN
CEMERLANG (9 – 10 markah)	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa gramatis, penggunaan dan kosa kata sangat tepat dan sangat betul .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Sebutan sangat tepat, sangat jelas , intonasi dan nada sangat betul seperti penutur jati . Intonasi sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan . Nada seperti penutur jati.
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan sangat petah, sangat fasih, sangat bertatasusila dan beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea sangat relevan dan tepat dengan tugas, diuraikan dengan sangat jelas dan sangat matang mengikut konteks.
KEPUJIAN 7 – 8 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata tepat dan betul .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Sebutan betul, jelas dan tepat . Kebanyakan intonasi dan nada betul seperti penutur jati .
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan petah, fasih, bertatasusila dan beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea relevan dan tepat mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang mengikut konteks.
BAIK 5 – 6 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa masih gramatis , penggunaan perkataan dan kosa kata masih tepat dan masih betul .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Sebutan masih betul, masih jelas dan masih tepat . Kebanyakan intonasi dan nada masih betul .
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan masih petah, masih fasih, masih bertatasusila dan beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas .
PENGUASAAN MINIMUM 3 – 4 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa kurang gramatis , penggunaan kosa kata kurang tepat, kurang betul dan kadangkala salah .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Kebanyakan intonasi kurang betul, kurang jelas dan kurang tepat . Intonasi banyak salah.
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan kurang petah, kurang fasih, kurang bertatasusila dan kurang beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian kurang jelas . Kadangkala bercampur aduk.
TIDAK MENCAPAI PENGUASAAN MINIMUM 1 – 2 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Keseluruhan bahasa dan kosa kata lemah .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Keseluruhan sebutan, intonasi dan nada lemah serta tidak betul .
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan tidak fasih, tidak petah, tidak bertatasusila dan tidak beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea tidak menepati bahan rangsangan.

RUBRIK PENSKORAN UJIAN BERTUTUR KUMPULAN (HOLISTIK)

TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	PENYATAAN	KRITERIA TAMBAHAN
CEMERLANG (26 – 30 Markah)	• Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi yang sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan. • Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata sangat tepat dan sangat betul. • Sebutan sangat tepat, sangat jelas, intonasi dan nada sangat betul seperti penutur jati. • Keseluruhan pengucapan sangat petah dan sangat fasih.	• Amat aktif dan memberikan respons dalam kumpulan. • Mempunyai keyakinan diri yang tinggi. • Melontarkan idea baharu yang matang. • Menggunakan kesantunan berbahasa secara bertatasusila semasa membuat celahan. • Penyampaian amat menarik dan menjadi teladan.
SANGAT BAIK (21 – 25 Markah)	• Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi yang sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap tekal dan terperinci. • Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata tepat dan betul. • Sebutan tepat, jelas, intonasi dan nada betul. • Keseluruhan pengucapan petah dan fasih.	• Aktif dan memberikan respons dalam kumpulan. • Mempunyai keyakinan diri. • Melontarkan idea yang baharu. • Menggunakan kesantunan berbahasa semasa membuat celahan. • Penyampaian menarik dan berkesan.
BAIK (16 – 20 Markah)	• Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi yang sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap kukuh. • Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata masih tepat dan masih betul. • Sebutan masih tepat, masih jelas, dan masih berintonasi. • Keseluruhan pengucapan masih petah dan masih fasih. • Keseluruhan pengucapan masih mencapai maksud, masih tepat dan masih bertatasusila.	• Masih memberikan respons dalam kumpulan. • Masih mempunyai keyakinan diri. • Melontarkan idea yang baharu. • Menggunakan kesantunan berbahasa semasa membuat celahan. • Penyampaian masih menarik.

TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	PENYATAAN	KRITERIA TAMBAHAN
MEMUASKAN (11 – 15 Markah)	• Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi pada tahap memuaskan. • Bahasa kurang gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata kurang tepat. • Kebanyakan sebutan kurang tepat, kurang jelas, dan kurang berintonasi. • Kebanyakan pengucapan kurang petah dan kurang fasih. • Keseluruhan pengucapan kurang mencapai maksud, kurang tepat dan kurang bertatasusila.	• Kurang memberikan respons dalam kumpulan. • Kurang keyakinan diri. • Kurang melontarkan idea yang baharu. • Tiada memberikan celahan. • Penyampaian kurang menarik.
PENGUASAAN MINIMUM (6 – 10 Markah)	• Mengemukakan idea serta menyatakan pandangan dalam pelbagai ruang perbincangan dengan menggunakan ayat yang betul dan intonasi pada tahap terhad. • Bahasa tidak gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata terhad. • Kebanyakan sebutan tidak tepat, tidak berintonasi dan terhad. • Keseluruhan pengucapan tidak mencapai maksud, tidak tepat dan terhad.	• Pasif dan kurang memberikan respons dalam kumpulan. • Kurang keyakinan diri. • Lontaran idea baharu terhad. • Tiada memberikan celahan. • Penyampaian terhad.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (1 – 5 Markah)	• Mengemukakan idea serta menyatakan pandangan dalam pelbagai ruang perbincangan dengan menggunakan ayat yang betul dan intonasi pada tahap sangat terhad. • Kemahiran berbahasa, penggunaan perkataan dan kosa kata sangat terhad. • Kebanyakan sebutan tidak tepat, tidak berintonasi dan sangat terhad. • Keseluruhan pengucapan tidak mencapai tahap minimum, tidak fasih dan sangat terhad.	• Amat pasif dan tidak memberikan respons dalam kumpulan. • Tiada keyakinan diri. • Lontaran idea baharu amat terhad. • Tiada memberikan celahan. • Penyampaian amat terhad.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT